

30 SEP 1998

Idris-Kontraktor

BUDAYA `ALI BABA' BERKURANGAN DI KUALA LUMPUR, KATA IDRIS

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Sikap kontraktor Bumiputera yang mengamalkan budaya Ali Baba semakin berkurangan di Kuala Lumpur dan ini diharapkan menjadi contoh kepada kontraktor Bumiputera di tempat-tempat lain, kata Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Idris Jusoh hari ini.

"Seramai 70 peratus kontraktor kelas F yang berdaftar didapati membuat kerja sendiri, 25 peratus berkongsi sesama Bumiputera manakala lima peratus lagi mengagihkan ataupun `sub' kepada Bumiputera juga," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan mesyuarat agung tahunan pertama Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F Kuala Lumpur (Perkobf) di sini.

Idris juga menerangkan bahawa 60 peratus daripada keseluruhan jumlah kontraktor iaitu 20,106 orang di sini merupakan kontraktor Bumiputera kelas F.

Sungguhpun begitu, katanya, bilangan kontraktor Bumiputera bagi kelas A masih lagi kurang dengan hanya terdapat 185 syarikat kontraktor Bumiputera kelas A berbanding jumlah keseluruhan 485 syarikat kontraktor kelas A di Kuala Lumpur.

"Kita harus berusaha lebih giat lagi untuk memperbaiki imbalan ini," katanya.

Dalam ucapan perasmiannya pula, Idris mengingatkan anggota persatuan agar jangan hanya mengharapkan kontrak kerajaan sebagai asas perniagaan mereka.

"Anggapkan pemberian kerajaan hanya sebagai bonus tetapi kontraktor juga harus pandai mencari kontrak-kontrak lain," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Perkobf Ahmad Awang berkata persatuan sentiasa menyokong penuh apa-apa tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Perdana Menteri sememangnya sentiasa memberi perhatian tentang perkembangan Perkobf," katanya.

Perkobf telah bergiat semenjak 17 tahun lepas di bawah nama Persatuan Kontraktor Binaan Bumiputera Wilayah Persekutuan dan setakat ini mempunyai anggota seramai 800 orang.

-- BERNAMA

NHZ PR